



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND
INNOVATION)
BATU 24, JALAN DENGKIL
43800 DENGKIL.



Telefon: 6-03-8922 5888
Telefak: 6-03-8922 3685

08 Ogos 2011
NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
Bil. 3/2008 Semakan 1

**TERIMA PAKAI NUCLEAR SECURITY SERIES NO . 11 - SECURITY OF RADIOACTIVE
SOURCES SEBAGAI GANTIAN KEPADA DOKUMEN SECURITY OF RADIOACTIVE
SOURCES (IAEA-TECDOC-1355)**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen AELB mengenai terima pakai dokumen Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) iaitu dokumen *Nuclear Security Series No. 11, Security Of Radioactive Sources (NSS No. 11)* bagi menggantikan dokumen *Security of Radioactive Sources (IAEA-TECDOC-1355)* yang akan dilaksanakan dalam proses perlesenan dan penguatkuasaan melalui perincian dalam Syarat Lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 17 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

LATARBELAKANG

2. Pengumuman kepada pemegang lesen mengenai pelaksanaan sekuriti punca radioaktif melalui terimapakai dokumen IAEA oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ke atas **Code of Conduct on the Safety and Security of Radioactive Sources** bersama dokumen sokongannya iaitu **Categorization Of Radioactive Sources (IAEA-TECDOC-1344)**, **Security Of Radioactive Sources (IAEA-TECDOC-1355)** dan **Guidance On Import/Export Of Radioactive Sources** telah dilaksanakan sebelum ini melalui Notis Pemberitahuan AELB Bil. 3/2008 bertarikh 30 Jun 2008.

3. Justeru itu, Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Jabatan AELB) telah mengarahkan pemegang lesen supaya meningkatkan kawalan sekuriti punca radioaktif melalui kaedah pengkategorian punca terkedap berdasarkan risiko keselamatan apabila berlakunya pencerobohan sekuriti. Selain daripada itu, penambaan terhadap prosedur semasa Jabatan AELB bagi aktiviti import dan eksport punca radioaktif kategori 1 dan 2 juga turut telah dilaksanakan.

ARAHAN AELB

4. Semua pemegang lesen adalah diminta untuk merujuk kepada dokumen NSS No. 11 sebagai sebahagian daripada dokumen yang diterima pakai untuk implementasi sekuriti di bawah Akta 304 bagi memastikan pematuhan kepada CoC dan dokumen sokongannya. Dengan ini juga, rujukan kepada dokumen **IAEA TECDOC 1355 adalah dibatalkan serta-merta bermula dari tarikh notis pemberitahuan ini dikuatkuasakan;**
5. Semua pemegang lesen juga perlu lebih proaktif untuk memahami kehendak dan keperluan bagi mematuhi CoC dan dokumen sokongannya termasuk dokumen NSS No. 11 dan menghadiri latihan-latihan berkaitan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.
6. Semua pemegang lesen hendaklah mengambil maklum dan melaksanakan keputusan di atas efektif pada **08 Ogos 2011.**

PENUTUP

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah
Bahagian Dasar, Kod dan Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor
No. Telefon : 03-89225888
No. Faks : 03-89223685
E-mail : pbs@aelb.gov.my
Laman web : <http://www.aelb.gov.my>